



## KEUTAMAAN ILMU PENGETAHUAN

OLEH:

USTZH. NOOR FAZELAH SALIMIN  
PEN. PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM  
PUSAT ISLAM UNIVERSITI MALAYSIA  
SABAH

Di dalam al-Quran banyak ayat-ayat yang menerangkan bukti-bukti mengenai keutamaan ilmu. Firman Allah SWT yang bermaksud;

*"Allah menyatakan bahawa tidak ada tuhan selain Dia;  
(Demikian pula) para malaikat orang berilmu yang menegakkan keadilan, tiada tuhan selain Dia, yang Maha perkasa, Maha bijaksana".*

(surah Ali-Imraan:18)

Firman Allah SWT yang bermaksud;

*"...supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat.."*

(surah al-Mujadalah:11)

FimanNya lagi yang bermaksud;

*"Adakah sama orang-orang yang mengetahui dan orang-orang yang tidak mengetahui?"*

(Surah az-Zumar:9)

*"...padahal kalau mereka kembalikan saja hal itu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (Orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya diantara mereka."*

(Surah an-Nisa':83)

Perhatikanlah ayat-ayat di atas, bukankah kesaksian itu dimulai dengan diriNya sendiri. Diikuti oleh malaikat dan orang-orang yang berilmu. Ini membuktikan kemuliaan dan keutamaan mereka itu.

Bahkan, sesuatu hukum dalam segala kejadian yang berlaku itu sentiasa dikembalikan kepada orang-orang yang berilmu pengetahuan. Martabat mereka itu adalah di bawah martabat para nabi dalam menerangkan hukum Allah SWT.

Nabi SAW bersabda, maksudnya;

*"Barangsiaapa yang dikehendaki oleh Allah kebaikan, maka dia dipintarkan dalam agama dan dilahir olehNya kepandaian dalam hal itu."*

(diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim & Thabrani)

Baginda juga bersabda yang maksudnya;

*"Para alim ulama adalah pewaris para nabi"*

(diriwayatkan oleh Abu Daud, Tarmizi, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban)

Jelaslah, bahawa tiada lagi pangkat yang lebih tinggi dari pangkat nabi dan tiada kemuliaan yang lebih tinggi dari kemuliaan pewaris baginda iaitu para alim ulama.

Kita lihat pula salah satu daripada diantara wasiat Lukman al-Hakim kepada anaknya;

*"Hai anakku, gaulilah para alim ulama dan rapatilah mereka itu dengan kedua lututmu, sebab sesungguhnya Allah SWT menghidupkan hati dan cahaya hikmat sebagaimana dia menghidupkan bumi dengan hujan lebat dari langit."*

Beginilah keutamaan mereka yang berilmu pengetahuan. Di angkat darjat mereka selepas para nabi. Dimuliakan bahagian mereka disisi manusia.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama mengejar tuntutan ilmu tanpa mengira usia kehidupan. Kerana ilmu itu pelita hidup. Mampu menyinari diri sendiri dan manusia sekelilingnya. Wallahu a'lam.

{..akan bersambung lagi pengisian ini di dalam keluaran risalah yang akan datang, yang akan mengupas tentang keutamaan belajar. Sehingga berjumpa lagi..;-)}

*"Ilmu itu adalah Cahaya dan Cahaya itu tidak akan menyimbah di Hati orang-orang yang melakukan Maksiat."*

TMAM AS-SYAFIE



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STANDARDS  
ACCREDITATION BODY  
MS ISO/IEC 17021-1:2011  
MS ISO/IEC 17021-2011  
MS ISO/IEC 17021-3:2011  
MS 1722-2011 & OHSAS 18001:2007 CERTIFIED

Eco Campus  
Mengubah Idea Menjadi Realiti

2HB SEPT 2016 BERSAMAAN 29 ZULKAEDAH 1437H

**RISALAH PUSAT ISLAM UMS BIL.3/2016**



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mensyariatkan kepada hamba-hambaNya agar berkumpul pada musim haji di Arafah, dan menumpahkan darah haiwan qurban (*al-Hadyu*). Ia adalah bulan penuh berkat kerana di dalamnya bergabung dua ibadat agung iaitu ibadat haji dan qurban yang dimulakan sejak zaman Nabi Allah Ibrahim AS lagi.

Adakah tuan/puan sudah mendaftarkan diri untuk menyertai mana-mana program Qurban?? Disurau/masjid/JFPIU masing-masing? Jika belum, jom setai kami sempena program Qurban anjuran **PUSAT ISLAM UMS**. 1 bahagian hanya RM550.00 sahaja. Keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan **Ustaz Jimmis Jumaat ditalian 088-320 000 samb 2747/014-3781928** atau menghubungi pejabat Pusat Islam seperti maklumat tertera di bawah ini. Semoga kita mendapat ganjaran dan syafaat dengan amalan berqurban ini... Insyaallah.




Kemerdekaan sebuah Negara adalah nikmat terbesar kurniaan Allah SWT yang bukan semua manusia dapat merasainya. Berapa ramai umat dan bangsa yang mendiami dunia ini dari dahulu hingga sekarang, tidak berhenti-henti bejuang menuntut "kemerdekaan". Namun sehingga kini, masih ramai dikalangan bangsa yang masih belum kenal erti kemerdekaan. Sering terbelenggu dalam penjajahan fizikal maupun rohani.

Berjihad dan berqurban dengan jiwa dan raga untuk memerdekakan negara dari belenggu penjajahan adalah di antara sifat-sifat yang mulia dan disanjung tinggi oleh Islam. Oleh sebab itu, dalam mengenang kembali sejarah kemerdekaan negara kita, generasi yang hidup di zaman ini janganlah melupakan pengorbanan para pejuang kemerdekaan yang telah membuka jalan ini kepada kita. Hasil perjuangan mereka lah kita dapat merasai nikmat kemerdekaan. Marilah kita menghormati dan mengenang kembali jasa pahlawan tanah air sama ada yang masih hidup atau yang telah gugur di medan perjuangan.

Islam dalam erti kata kesejahteraan, kedamaian dan keamanan semuanya menjurus kepada maksud kemerdekaan. Hakikat ini dapat kita lihat semasa perkembangan awal Islam di mana Rasulullah SAW telah membawa kemakmuran kepada Madinah dan memerdekakan Kota Mekah daripada cengkaman kafir Quraisy. Justeru itu, umat Islam hendaklah sentiasa berazam untuk membebaskan diri daripada sifat-sifat yang boleh meruntuhkan wibawa kemanusiaan kerana sifat-sifat sedemikian itu amat dimurka Allah dan akan hanya menyebabkan manusia terpenjara di bawah arahan nafsu dan telunjuk syaitan sahaja. Kita hendaklah sentiasa memohon keampunan daripada Allah Ta'ala agar mendapat keredhaanNya dan terlepas daripada siksaan api neraka. Inilah nilai sebenar kemerdekaan yang diajarkan oleh agama kita.

Semoga kemerdekaan negara kita akan kekal selamanya, Insyaallah. Selamat Hari Merdeka daripada kami di Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah. MERDEKA! MERDEKA!



## AL-HARAMAIN

{Dari Jabir bin Abdullah RA yang berkata, Bahawa Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya Ibrahim telah mengharamkan dan sesungguhnya aku mengharamkan Madinah diantara dua batu hitamnya; pohon berdurinya tidak boleh dipotong dan (binatang) buruannya tidak boleh diburu."

(Sahih Bukhari dan Muslim)

### BATAS-BATAS TANAH HARAM MAKKAH.

Tanah haram Makkah mempunyai batas-batas yang mengelilingi makkah dengan tanda-tanda bangunan batu setinggi sekitar 1 meter dicat putih yang terletak di dua sisi jalan di setiap arah, iaitu:

- Dari utara (*At-Tan'iim*) ke Makkah sejauh 6km
- Dari timur laut (*Waadiy Nakhlah*) sejauh 14 Km
- Dari timur (*Al-Ji'irranah*) sejauh 16km
- Dari Selatan (*Adhaah*) sejauh 12km
- Dari Barat (*Asty-Syumaisiy*) sejauh 15Km

Batas-batas tanah haram Madinah dijelaskan oleh hadis-hadis yang sahih, iaitu dari Ali RA yang berkata bahawa Nabi SAW bersabda;

"..Madinah itu haram antara 'Air\* sampai Tsaur\*..."  
(Sahih Muslim)

\* 'Air adalah nama sebuah gunung (besar dan tinggi) di selatan Madinah dekat Dzil-Hulifah tempat Miqaat penduduk Madinah, dengan jarak 2 jam berjalan kaki.  
\*Tsaur adalah sebuah gunung kecil yang berwarna merah di utara gunung Uhud.

Dari Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda;

"Diharamkan antara dua laabah Madinah, berdasarkan lisanku."

Dan pada sanad yang lain:

"Apa-apa (yang ada) diantara dua laabah adalah haram."

(Riwayat Bukhari, Mukh-tashar Shahihil Imam Bukhari, juz 1 hal 436)

\*Laabah adalah sama dengan Al-Harrah iaitu tanah yang mempunyai batu hitam. Dan Madinah terletak antara dua batu hitam yang besar.

Berdasarkan ini maka tanah haram Madinah mempunyai 4 batas sebagai berikut;

- Batu hitam pertama di sebelah timur (*Waaqim*)
- Batu hitam kedua di sebelah barat (*Al-Warabah*)
- Gunung 'Air di sebelah selatan Madinah.
- Gunung Tsaur, di sebelah utara.